



TEKS UCAPAN

YB TUAN LOKE SIEW FOOK
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

MAJLIS PELUNCURAN PROGRAM PEMBAHARUAN
TEKSI MADANI NASIONAL

3 JULAI 2026 | JUMAAT
DATARAN MERDEKA, KUALA LUMPUR

SALUTASI

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

- 1) Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim,
Perdana Menteri Malaysia;**
- 2) Yang Berhormat Puan Hannah Yeoh Tseow Suan,
Menteri Wilayah Persekutuan;**
- 3) Yang Berbahagia Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin,
Pengerusi DRB-HICOM;**
- 4) Yang Berbahagia Tan Sri Syed Faisal Albar,
Pengarah Urusan Kumpulan DRB-HICOM;**
- 5) Yang Berhormat Menteri-menteri;**
- 6) Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan;**
- 7) Wakil-wakil industri pengangkutan awam, pengusaha
dan pemandu teksi;**
- 8) Rakan-rakan media serta tuan puan yang saya hormati
sekalian.**

UCAPAN YBM MOT

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana:

- (i) Yang pertamanya, sudi bersama-sama kita pada pagi Jumaat ini untuk menjayakan Majlis Peluncuran Program Pembaharuan Teksi MADANI Nasional; dan
- (ii) Yang kedua, mengumumkan pengecualian 100% duti eksais dan cukai jualan kepada pemilik teksi dan kereta sewa persendirian untuk membeli kenderaan teksi atau kereta sewa baharu buatan nasional dalam Inisiatif Belanjawan 2026.

2. Pengumuman tersebut dan kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pagi ini mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI untuk terus memperbaharui industri teksi negara agar pemandu memperoleh peluang yang lebih baik, manakala rakyat menikmati perkhidmatan yang lebih selamat, selesa dan berkualiti.

3. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas

keprihatinan dan sokongan berterusan terhadap kebajikan pemandu teksi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa menggalakkan Kementerian Pengangkutan untuk terus mencari idea, meneroka pendekatan baharu dan melaksanakan inisiatif yang dapat membantu meningkatkan pendapatan pemandu teksi serta memperkukuh industri teksi negara.

4. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada wakil-wakil persatuan teksi di seluruh negara yang tidak pernah jemu menyuarakan pandangan, rintihan dan cabaran yang dihadapi oleh para pemandu teksi. Industri teksi telah sekian lama menjadi sebahagian daripada sistem pengangkutan awam negara serta memainkan peranan penting dalam memudahkan perjalanan harian rakyat. Namun, kita juga tidak dapat menafikan bahawa industri ini berdepan pelbagai cabaran susulan perubahan teknologi, perubahan cara rakyat mendapatkan perkhidmatan pengangkutan serta persaingan daripada mod pengangkutan yang baharu.

5. Namun, cabaran ini juga membuka ruang untuk kita melakukan anjakan besar. Kementerian Pengangkutan sedang mengambil langkah proaktif melalui beberapa tindakan seperti berikut:

- (i) Melaksanakan kajian Pelan Strategik Pengangkutan Awam Lembah Klang yang akan menentukan hala tuju

masa depan, termasuk penilaian semula kadar tambang teksi;

- (ii) Penyediaan pakej pembiayaan kenderaan teksi dengan pengeluar kenderaan nasional; dan
- (iii) Penyediaan latihan kepada pemandu teksi untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan profesionalisme pemandu teksi dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) serta Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MKJR).

Hadirin yang di hormati,

6. Program Pembaharuan Teksi MADANI Nasional merupakan satu langkah penting dalam usaha mentransformasikan industri teksi negara supaya lebih moden, berdaya saing dan terus memainkan peranan penting dalam ekosistem pengangkutan awam negara.

7. Usaha ini tidak mungkin dapat direalisasikan tanpa kerjasama erat antara Kerajaan dan rakan-rakan strategik daripada sektor swasta. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada PROTON kerana menjadi syarikat pengeluar kereta nasional pertama yang bekerjasama dengan Kerajaan bagi menjayakan program peremajaan industri

teksi. Kerjasama ini membuka lebih banyak peluang kepada pemandu teksi untuk beralih kepada kenderaan yang lebih moden, selamat dan berkualiti. Pada masa yang sama, mutu perkhidmatan kepada penumpang turut dapat dipertingkatkan.

8. Pemilihan Proton S70 sebagai model teksi di bawah program ini dibuat berdasarkan kesesuaiannya untuk operasi teksi, termasuk dari aspek keselamatan, keselesaan dan kecekapan penggunaan bahan api. Pendekatan ini selaras dengan usaha Kerajaan menggalakkan penggunaan kenderaan teksi yang lebih moden dan berkualiti bagi meningkatkan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan teksi.

9. Bagi menyokong pelaksanaan program ini, Kumpulan DRB-HICOM melalui EON-Avis bersama institusi kewangan turut menyediakan pilihan kaedah pembiayaan bagi memudahkan pemandu teksi beralih kepada kenderaan baharu mengikut keperluan dan kemampuan masing-masing.

Hadirin yang di hormati,

10. Hari ini, cara rakyat menggunakan pengangkutan juga sudah berubah. Kalau dahulu penumpang menunggu teksi di hentian atau di tepi jalan, hari ini tempahan dibuat melalui aplikasi. Sebab itu, transformasi industri teksi bukan sekadar menggantikan teksi lama dengan teksi baharu tetapi juga

memastikan pemandu teksi mendapat lebih banyak peluang menerima tempahan melalui platform e-hailing.

11. Kerajaan sentiasa menggalakkan kerjasama yang lebih erat antara industri teksi dan platform e-hailing. Kita tidak melihat kedua-duanya sebagai pesaing, sebaliknya sebagai rakan strategik yang saling melengkapi dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat di samping membantu meningkatkan pendapatan pemandu teksi.

12. Kerjasama ini akan memberi lebih banyak pilihan kepada pengguna dan membuka lebih banyak peluang pendapatan kepada pemandu teksi. Inilah matlamat utama Kerajaan, iaitu membantu pemandu meningkatkan pendapatan, mengurangkan kos operasi dan memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat.

13. Antara manfaat utama Program Pembaharuan Teksi MADANI Nasional ini ialah:

- (i) **Pertama**, pemandu teksi akan menggunakan Proton S70, sebuah kenderaan baharu yang moden, selamat dan selesa. Kenderaan yang lebih cekap ini bukan sahaja memberikan pengalaman memandu yang lebih baik malah membantu menjimatkan penggunaan bahan api dan kos penyelenggaraan. Ini memberi

ruang kepada pemandu menikmati pendapatan bersih yang lebih baik.

- (ii) **Kedua**, Kerajaan akan menambah baik proses pemeriksaan berkala di PUSPAKOM atau mana-mana Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM) berlesen dengan memberi keutamaan kepada teksi semasa pemeriksaan. Langkah ini akan memudahkan urusan pemandu, mempercepatkan proses pemeriksaan dan pada masa yang sama memastikan standard keselamatan kenderaan terus dipatuhi.
- (iii) **Ketiga**, pemandu teksi boleh memilih pakej pembiayaan yang paling sesuai dengan kemampuan masing-masing, sama ada melalui sewa beli dengan ansuran harian yang lebih rendah atau pakej pajakan yang turut merangkumi kos penyelenggaraan kenderaan.
- (iv) **Keempat**, Kerajaan turut memperkenalkan identiti baharu untuk teksi di Malaysia. Dengan reka bentuk yang lebih moden tanpa *taxi topper*, penggunaan nombor pendaftaran khas "GET" serta meter teksi digital, imej teksi akan menjadi lebih moden, lebih

mudah dikenali dan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan teksi.

Hadirin yang dihormati,

14. Sebentar lagi kita akan berpeluang melihat dengan lebih dekat Proton S70 yang dipilih sebagai model teksi di bawah inisiatif ini. Yang kita lancarkan hari ini bukanlah sebuah model kereta baharu, tetapi satu pendekatan baharu dalam memperbaharui industri teksi negara. Dengan kenderaan yang lebih moden, pilihan pembiayaan yang lebih sesuai serta sokongan dasar Kerajaan, kita mahu industri teksi terus berkembang dan memberikan perkhidmatan yang lebih berkualiti kepada rakyat.

15. Pada masa yang sama, usaha ini juga selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih berkualiti dan peluang menjana pendapatan yang lebih baik kepada pemandu teksi.

16. Apa yang lebih penting ialah memastikan para pemandu teksi dapat menjalankan perkhidmatan mereka dengan lebih yakin, lebih kompetitif dan mampu memberikan pengalaman yang lebih baik kepada para penumpang. Kementerian

Pengangkutan, Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan terus bekerjasama rapat dengan semua pihak berkepentingan bagi memastikan pelaksanaan program ini berjalan lancar dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.

17. Dalam masa yang sama, saya juga amat mengalu-alukan kerjasama strategik yang melibatkan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, persatuan teksi, institusi kewangan, pengeluar automotif serta pengendali platform e-hailing. Kerjasama seumpama ini amat penting bagi memastikan manfaat program dapat dinikmati secara menyeluruh oleh komuniti teksi.

18. Kejayaan inisiatif ini bukan diukur melalui jumlah teksi baharu yang berada di jalan raya. Kejayaan sebenar ialah apabila semakin ramai pemandu teksi memperoleh pendapatan yang lebih baik, kos operasi mereka semakin rendah dan rakyat semakin yakin menggunakan perkhidmatan teksi kerana mutu perkhidmatannya semakin baik. Itulah matlamat utama Kerajaan MADANI dalam mentransformasikan industri teksi negara.

19. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada APAD, JPJ, PDRM, DBKL, DRB-HICOM, Proton, Air Asia Ride, dan semua platform e-hailing di atas kerjasama terhadap inisiatif ini serta kepada semua pihak yang hadir pada hari ini.

20. Semoga usaha yang dilaksanakan ini menjadi pemangkin kepada transformasi industri teksi negara agar lebih moden, lebih berdaya saing dan mampu memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.